

Motosikal bawah 150cc dikecualikan cukai jalan

UM 13 SEP 2003

KUALA LUMPUR 12 Sept.

— Motosikal berkuasa tidak melebihi 150cc akan dikecualikan daripada cukai jalan mulai 1 Jan tahun depan bagi mengurangkan beban golongan berpendapatan rendah, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Ketika membentangkan Bajet 2004 di Parlimen hari ini, Perdana Menteri berkata pengecualian itu bertujuan mengurangkan beban kewangan bagi golongan seperti pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta kumpulan belia.

Pada masa ini cukai jalan motosikal dikenakan mengikut kuasa enjin iaitu RM50 untuk motosikal kurang daripada 75cc, RM55 (75-100cc) dan RM65 (101-150cc) di Semenanjung Malaysia dan RM12 bagi motosikal berkuasa antara 75 hingga 150cc di Sarawak.

Cukai jalan bagi motosikal berkuasa 151 hingga 200cc ialah RM100 dan RM150 bagi kelas 151 hingga 250cc di Semenanjung Malaysia manakala RM24 bagi kuasa enjin antara 151 hingga 250cc di Sarawak.

Motosikal berkuasa enjin antara 251 hingga 500cc ialah RM200 bagi Semenanjung Malaysia dan antara RM36 hingga RM60 di Sarawak.

Cukai jalan bagi motosikal berkuasa tinggi antara 501 dan 800cc ialah RM300 bagi Semenanjung Malaysia dan RM60 hingga RM90 di Sarawak serta RM400 bagi kuasa enjin dari 801cc dan ke atas di Semenanjung Malaysia dan lebih RM96 di Sarawak.

Di Sabah, cukai jalan bagi semua jenis motosikal adalah hanya RM50 setahun.

Dr. Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, berkata kerajaan juga mengurangkan cukai jalan sebanyak 50 peratus bagi bas pekerja untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan.

Beliau berkata pengurangan cukai bagi bas diesel berkuasa enjin 5,000cc ialah RM738 setahun daripada RM1,476 setahun sebelum ini di Semenanjung Malaysia manakala di Sabah dan Sarawak pula pengurangan adalah kepada RM562 setahun daripada RM1,125 setahun.